

## SOALAN-SOALAN LISAN

### PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT PERTAMA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI JUMAAT, 27 OGOS 2021

---

#### 1. YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN ( BUKIT CHANDAN )

Apakah Langkah pihak kerajaan negeri untuk membantu masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID 19 kepada;

- a) Peniaga kecil dan sederhana
- b) Kumpulan miskin tegar
- c) Kumpulan miskin mengejut

#### 2. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN ( BUNTONG )

Masalah Demam Denggi di Buntong

- a) Sila nyatakan tempat-tempat atau taman perumahan yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan kes Demam Denggi yang paling kritikal di Buntong?
- b) Sila berikan jumlah kes Demam Denggi di Buntong bagi tahun 2020 dan 2021 (Sehingga bulan Julai 2021) dan nyatakan jumlah kematian kes Demam Denggi bagi tempoh tersebut?
- c) Sila nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membenters masalah ini terutamanya di kawasan lot-lot rumah yang dibiarkan begitu sahaja sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes?

**3. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN  
( *CHANGKAT JONG* )**

Sepanjang pandemik COVID-19 diberitakan semakin ramai rakyat mengalami masalah gangguan mental dan tekanan perasaan yang akhirnya mendorong kepada berlakunya kes bunuh diri.

- a) Nyatakan statistik bilangan individu yang mengalami gangguan mental dan bilangan yang bunuh diri dalam Negeri Perak sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan serta apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil"

**4. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI ( *TEBING TINGGI* )**

Kebajikan Pekerja.

Sejauh mana majikan di negeri Perak yang mempunyai pekerja asing, mematuhi dan memenuhi syarat Akta 446 ( Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990) ?

**5. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS ( *KENERING* )**

Kemudahan liputan komunikasi berkelajuan tinggi amatlah diperlukan khusus di kawasan luar bandar dan pedalaman agar hasrat Kerajaan untuk memastikan rangkaian ini juga dapat membantu sistem pendidikan dan pembelajaran masa kini.

- a) Sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kelajuan internet dan berapakah jumlah pencawang baru yang telah dibina di kawasan saya sehingga kini?
- b) Apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan kawasan pedalaman (Perkampungan Orang Asli Dala, Air Bah, Lubuk Chupak serta kawasan kampung seberang sungai Perak juga mendapat kemudahan sewajarnya?

**6. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN ( AYER KUNING )**

Dengan tiada tanda-tanda kes covid-19 ini berkurangan sehingga hujung tahun ini, apakah Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh Usahawan dan Peniaga Kecil serta Perusahaan Kecil dan Serdahana (PKS)?

**7. YB ENCIK LEOW THYE YIH ( POKOK ASSAM )**

Sepanjang wabak merabak di Malaysia, Zoo di Malaysia tidak dapat beroperasi maka pendapatan untuk pengurusan Zoo berkurangan.

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan Negeri Perak terhadap perkara tersebut untuk membantu Zoo Taiping ?
- b) Sila senaraikan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Pusat pada 2020 dan 2021.
- c) Sila senaraikan jumlah haiwan yang ditambah atau dilahirkan di Zoo Taiping pada 2020 dan 2021

**8. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM ( TITI SERONG )**

Pesawah padi di daerah Kerian mengalami kerugian teruk apabila kualiti hasil padi semakin merosot.

- a) Adakah bekalan benih padi berkualiti dan bermutu tinggi yang diedarkan buat para pesawah terutamanya di DUN Titi Serong mencukupi?
- b) Masalah padi angin semakin berleluasa di sini, apakah langkah yang diambil pihak kerajaan negeri dalam membantu pesawah untuk mengatasi masalah ini?

## **9. YB ENCIK NGA KOR MING ( AULONG )**

Masalah Banjir

Masalah banjir sering melanda kawasan Hilir Perak khususnya Teluk Intan setiap tahun. Minta YAB Menteri Besar nyatakan secara terperinci apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi musibah banjir ini dan berapakah jumlah peruntukan sebenar diberi secara spesifik untuk tujuan mencegah dan mengatasi banjir di Teluk Intan

## **10. YB ENCIK TEOH YEE CHERN ( ASTAKA )**

Kawasan perindustrian Kampung Acheh merupakan satu zon industri yang penting di negeri Perak. Malangnya, terdapat beberapa kluster kilang telah berlaku di situ baru-baru ini. Menteri Besar Perak turut berkata dalam satu sidang media bahawa kerajaan negeri merancang untuk membuka tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) khas untuk industri di negeri Perak, iaitu PPV Manjung, PPV Kinta serta PPV Larut, Matang dan Selama.

- a) Bilakah PPV khas Manjung tersebut di atas akan bermula beroperasi memandangkan ramai pekerja warganegara Malaysia dan warganegara asing yang bekerja di situ?
- b) Berapa orang pekerja warganegara Malaysia dan warganegara asing akan dimanfaatkan setelah pembukaan PPV khas Manjung tersebut di atas dilaksanakan?
- c) Selain daripada pembukaan PPV khas Manjung tersebut di atas, adakah kerajaan negeri bersedia untuk subsidi kilang-kilang di kawasan perindustrian Kampung Acheh supaya saringan Covid-19 di kawasan tersebut boleh dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan keselamatan semua warga di situ?

### **11. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN ( AYER KUNING )**

Dalam keadaan PKP, pergerakan pengedar dan penagih dadah sudah tentu terbatas. Namun masih terdapat kes-kes berkaitan dadah yang masih berlaku di Perak

- a) Berapakah jumlah tangkapan pengedar dan penagih dadah pada tahun ini berbanding dengan dengan tahun 2021? Berikan pecahan di setiap daerah di Perak.
- b) Apakah usaha kerajaan dalam membendung kegiatan dadah semasa pandemik covid-19?
- c) Berapakah jumlah jangkitan covid-19 dalam kalangan penagih dadah di Perak terutama yang ada di pusat tahanan? Daripada jumlah ini berapa ramai yang telah terkorban? Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu ini?

### **12. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Adakah pihak kerajaan sedia menyalurkan sejumlah peruntukan untuk menyediakan / menaiktaraf kemudahan rekreasi untuk belia di kawasan DUN Menglembu seperti gelanggang futsal, gelanggang takraw, gelanggang bola keranjang atau gelanggang badminton?

### **13. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM ( PENGKALAN HULU )**

- a) Apakah langkah-langkah menangani masalah pengangguran di Negeri Perak?
- b) Apakah usaha yang dilakukan dan telah dilaksanakan oleh kerajaan Perak dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang dibuang kerana Covid19?
- c) Apakah pelan pemulihan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di dalam usaha membantu golongan yang kehilangan

pekerjaan dalam tempoh PKP serta nyatakan kadar pengangguran anak muda selepas wabak Covid melanda Negara?

**14. YB DR. KO CHUNG SEN ( KEPAYANG )**

Daripada Keayang

Tajuk: Pakej rangsangan ekonomi

- a) Adakah kerajaan negeri telah menyediakan pakej rangsangan ekonomi negeri dalam masa terdekat?
- b) Berapakah jumlah pembelanjaan dalam rancangan tersebut? Sila nyatakan.
- c) Adakah kerajaan akan menawarkan pinjaman wang kepada pengusaha-pengusaha SME yang terjejas dalam pandemik covid 19?

**15. YB ENCIK LOH SZE YEE ( JALONG )**

Adakah kerajaan merancang untuk menambah infrastruktur dan perkakasan perubatan untuk Hospital Sungai Siput seperti mesin Haemodialisis dan sebagainya?

**16. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN ( AYER KUNING )**

Ketika pandemic covid ini yang telah berlarutan lebih dari setahun, ramai kalangan penduduk bukan sahaja hilang pekerjaan tetapi juga terputus makanan. Malah 10% daripada golongan M40 sekarang telah menyebabkan jumlah B40 meningkat menjadi B50. Ini bermakna terdapat 50% penduduk terkesan daripada pandemik ini. Nyatakan usaha kerajaan dalam membantu mereka yang terkesan ini

## **17. YB ENCIK CHONG ZHEMIN ( KERANJI )**

Bantuan Covid-19 Penjaja

- a) Sila nyatakan jumlah sumbangan bantuan Covid-19 yang diperuntukkan untuk penjaja gerai di seluruh negeri Perak.
- b) Sila senaraikan dengan terperinci berdasarkan setiap PBT sumbangan bantuan Covid-19 yang diperuntukkan kepada setiap PBT.
- c) Adakah kesemua sumbangan bantuan Covid-19 yang diperuntukkan telah disalurkan kepada penjaja? Kalau tidak, mengapa?

## **18. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI ( MANONG )**

Dibawah pelan pemulih, terdapat diskaun bil elektrik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi yang mana menyatakan diskaun bil elektrik 5% hingga 40% akan diberikan kepada kumpulan sasar berdasarkan jumlah penggunaan bil elektrik bulanan. Berdasarkan pemerhatian kepada golongan sasar yang disenaraikan, 40% potongan diberikan hanya kepada jumlah penggunaan RM43.60 kebawah iaitu bersamaan 1kwj-200kwj. Apabila diteliti, diskaun bersasar yang di unjurkan tidak dapat membantu sepenuhnya bagi semua golongan kerana ketika PKP 3.0 ini, rakyat diarahkan duduk dirumah sepenuhnya. Bekerja dari rumah, PDPR, usahawan digital dan sebagainya memerlukan penggunaan kadar elektrik yang tinggi.

- a) Dalam pelunjuran PKP 3.0 yang masih dilaksanakan, mengapa kerajaan tidak membantu memberikan pengurangan sewajarnya kepada semua terutamanya B40 dan M40 tetapi sebaliknya berdasarkan kadar jumlah bil? Ini kerana kadar penggunaan elektrik harian dirumah pada masa kini bergantung kepada jumlah ahli keluarga yang terpaksa duduk dirumah

## **19. YB DR. KO CHUNG SEN ( KEPAYANG )**

Daripada Keayang

Tajuk: Cukai tanah dan cukai taksiran

- a) Adakah kerajaan akan memberi diskaun pada cukai-cukai tersebut kepada rakyat Negeri Perak?
- b) Berapakah peratus pemotongan yang akan diberikan?
- c) Adakah kerajaan akan memberi pengecualian denda atas tunggakan cukai bagi mereka yang membuat pembayaran lewat atas sebab kesan daripada pandemik Covid-19

## **20. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI ( BEHRANG )**

PERSOALAN PERTANIAN

- a) Apakah sikap Menteri Besar Perak terhadap penggunaan baja sintetik, racun rumpai dan racun serangga di ladang-ladang milik Kerajaan Negeri Perak.
- b) Apakah sikap Menteri Besar Perak terhadap penggunaan baja sintetik, racun rumpai dan racun serangga di tapak-tapak pertanian dalam Negeri Perak.
- c) Adakah sebarang kajian terhadap kadar dan tahap pencemaran tanah akibat pengaplikasian bahan-bahan sintetik tersebut

## **21. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO ( SELINSING )**

Pembinaan kawasan perumahan memang dialu-alukan di Negeri Perak. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) menjadi pihak yang bertanggungjawab selain daripada pemaju-pemaju yang sedia ada.



Bolehkah pihak PKNP senaraikan projek-projek yang masih dalam perancangan untuk pembinaan di negeri Perak?

**22. YB IR. DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN ( KAMUNTING )**

Apakah bentuk bantuan yang kerajaan negeri berikan kepada frontliners selain daripada yang telah diberikan oleh kerajaan pusat?

- a) Berapakah bilangan doktor kontrak di Perak dan apakah nisbah doktor berbanding penduduk menepati peruntukan WHO?
- b) Apakah intervensi yang dilakukan oleh kerajaan di negeri Perak tentang isu ini?

**23. YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Apakah cadangan kerajaan untuk membantu SME dalam masa fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) ?

**24. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU ( PASIR BEDAMAR )**

Apakah impak Covid kepada ekonomi Perak dari pelbagai sektor?

- a) Berapakah jumlah warga Perak yang kehilangan pekerjaan dari pelbagai sektor?
- b) Apakah langkah-langkah pemulihan bagi sektor-sektor yang terkesan?

**25. YB JURIJ BIN JALALUDIN ( LUBOK MERBAU )**

Nyatakan jumlah penyertaan golongan petani dari golongan orang muda berumur 20 hingga 40 tahun dalam Negeri Perak.

- a) Adakah golongan petani ini turut terjejas akibat pandemik covid yang melanda?
- b) Apakah bentuk bantuan yang telah kerajaan salurkan kepada golongan petani ini?
- c) Adakah berlaku lambakan hasil pertanian akibat pandemik ini?

**26. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG ( MALIM NAWAR )**

Tanah untuk petani-petani

- a) Adakah Kerajaan Negeri sedia untuk mengubal polisi ke atas tanah yang dimiliki oleh perbadanan Kerajaan supaya petani-petani boleh menyewanya tanah untuk bidang pertanian dengan prosedur yang lebih senang pada penularan wabak covid-19?
- b) Apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu petani-petani pada masa kesusahan kini?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu nelayan darat pada masa kesusahan kini?

**27. YB. DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA  
( BATU KURAU )**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Pembelajaran dan Pengajaran di rumah (PdPR) kerana sekolah telah diarah tutup akibat wabak Covid-19 yang merebak secara

meluas. Perkara asas untuk berkomunikasi antara guru dan murid yang masing-masing berada di rumah adalah penggunaan peranti telefon mudah alih dan liputan WiFi yang kuat. Kerajaan negeri Perak telah memberikan telefon bimbit kepada setiap pelajar tingkatan lima di seluruh negeri Perak yang belum lagi diketahui keberkesanannya sehingga setakat ini. Liputan Wifi pula adalah lemah di kawasan luar bandar.

- a) Bilakah pencawang komunikasi SKMM akan dibina dengan lebih banyak meliputi kawasan-kawasan di luar bandar?
- b) Siapakah yang dilantik untuk menyenggara perkakasan di atas (telefon bimbit dan liputan WiFi) sepanjang masa sekiranya berlaku masalah teknikal yang boleh mengganggu proses PdPR?

**28. YB ENCIK TAN KAR HING ( *SIMPANG PULAI* )**

Pelanggaran SOP Majlis Keselamatan Negara

- a) Berapakah jumlah kompaun yang dikeluarkan sejak tahun 2020 hingga kini akibat pelanggaran SOP oleh perusahaan?
- b) Berapakah jumlah kompaun yang dikeluarkan sejak tahun 2020 hingga kini akibat pelanggaran SOP oleh individu?
- c) Sila nyatakan berapa kes kompaun yang telah dibicarakan di mahkamah sejak tahun 2020 hingga kini?

**29. YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN ( *BUKIT CHANDAN* )**

“Food Security”

Apakah Langkah kerajaan untuk memastikan “food security” terjamin ketika keadaan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID 19 sekarang ini

### **30. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Minta jelaskan pendekatan dan sasaran Kerajaan Negeri terhadap pertumbuhan ekonomi pasca pandemik Covid-19 bagi sektor perkhidmatan dan peruncitan di Negeri Perak pada tahun 2021?

- a) Apakah tindakan dan rancangan pihak kerajaan untuk membantu membangun semula ekonomi Negeri Perak yang terjejas akibat Covid-19?

### **31. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR ( CHENDEROH )**

Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati adalah merupakan salah sebuah sekolah menengah luar bandar yang berada dalam DUN Chenderoh dan keputusan SPM 2020 baru-baru ini amat baik dan meningkat. Permohonan sekolah ini adalah untuk mendapatkan Asrama Desa dan telah pun dimasukkan dalam senarai RMK 11.

Apakah status permohonan Asrama Desa Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati ini dan bilakah akan dilaksanakan?

### **32. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM ( SUNGKAI )**

Ekoran kematian akibat pandemik Covid-19 di negeri Perak. Kita dapati hampir setiap hari kematian berlaku akibat daripada Covid-19. Selain daripada kehilangan ahli keluarga, keluarga berkenaan terpaksa mencari wang untuk urusan pengebumian si-mati. Negeri Selangor memperuntukan RM 1,000.00 sebagai khairat kematian kepada keluarga mangsa seperti ini.

- a) Apakah kerajaan Negeri Perak mempunyai apa-apa hasrat untuk menyediakan dana yang sama untuk membantu keluarga si-mati di negeri Perak?

### **33. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU ( CHENDERIANG )**

Sumber hasil baru. Kerajaan masih bergantung kepada sumber yang sama. 60% hasil tanah selain sumber hutan dan caj air. Pada waktu sekarang rakyat amat mengharapkan bantuan Kerajaan.

- a) Adakah rancangan Kerajaan untuk pastikan dana sentiasa ada.
- b) Adakah Kerajaan menggunakan kaedah lain, selain dari menggunakan rizab
- c) Adakah Kerajaan memperbanyakkan usaha kolaborasi dengan pihak swasta? Misalnya memperbanyakkan kerjasama CSR untuk program bantuan

### **34. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED ( TEMENGOR )**

Pengusaha pelancongan di Tasik Banding mengalami kerugian apabila tempahan rumah bot (houseboat) berikutan penularan Covid-19 dan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

- a) Adakah terdapat sebarang bentuk bantuan yang disalurkan kepada pengusaha dan pekerja-pekerja rumah bot ini bagi meringankan bebanan mereka yang telah terjejas ini.
- b) Adakah kerajaan Negeri telah merangka inisiatif dan menyusun strategi dalam usaha membantu industri pelancongan yang terjejas teruk ekoran pandemik Covid-19

### **35. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN ( SUNGAI RAPAT )**

Selepas Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 berakhir, apakah perancangan kerajaan negeri atau pelan strategi bagi menangani masalah rakyat yang menghadapi krisis kewangan selepas Pelan Pemulihan Negara Fasa 4?

### **36. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH ( BLANJA )**

Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Bantuan yang dihulurkan mampu membantu meringankan beban rakyat

- a) Nyatakan jumlah atau kadar bantuan bulanan untuk golongan keluarga miskin,ibu tunggal dan orang kurang upaya yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)?
- b) Selain daripada bantuan kewangan apakah program yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri Perak dalam membantu golongan berkenaan menjana pendapatan bagi menanggung kos kehidupan yang semakin tinggi?

### **37. YB PUAN NG SHY CHING ( TEJA )**

Sektor Pelancongan

- a) Adakah kerajaan negeri khususnya PBT akan mengambil inisiatif bagi mengeluarkan Lesen Pengusaha Pelancongan dan Pengembaraan untuk mengawalselia aktiviti pelancongan dan pengembaraan dalam negeri ini?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri membantu pengusaha pelancongan kecil dan sederhana yang tidak mendapat sebarang bantuan kerajaan sepanjang wabak Covid-19 kerana tidak mempunyai lesen MOTAC?
- c) Apakah halatuju dan sasaran pencapaian Lembah Kinta yang telah diisytihar sebagai Geopark Kebangsaan pada tahun 2018?

**38. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ ( SLIM )**

Terdapat 2 buah perkampungan orang asli iaitu kampung orang asli Changkat Ramu dan kampung orang asli Sungai Teras dalam kawasan DUN Slim yang masih belum mendapat bekalan air bersih. Apakah perancangan dalam membantu menyediakan bekalan air bersih pada kedua-dua kampung orang asli ini

**39. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI  
( HUTAN MELINTANG )**

Status Projek Pembangunan Pekan-Pekan Kecil didalam Negeri Perak sebelum ini dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)

- a) Adakah projek tersebut masih diteruskan pelaksanaannya?
- b) Adakah Program Projek Pembangunan Pekan-Pekan Kecil tersebut melibatkan di dalam Kawasan DUN Hutan Melintang?

**40. YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR  
( KUALA SEPETANG )**

Bilakah peruntukan bagi membesarkan longkang mulai depan Masjid Ikhwaniah Simpang hingga ke Sungai Mati kerana saiz sediaada tidak mampu menampung kuantiti air limpahan

**41. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG ( MALIM NAWAR )**

Unit Integrasi dan Pengukuhan Masyarakat

- a) Apakah sebabnya Unit Hal Ehwal Bukan Islam ditukar kepada Unit Integrasi dan Pengukuhan Masyarakat?
- b) Apakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada Unit

Integrasi dan Penguatan Masyarakat setahun?

- c) Apakah jumlah peruntukan kepada unit tersebut yang dicadangkan untuk tahun 2022?

\*\*\*\*\*